

Malaysia boleh menjadi pusat cari untung di Asia — Mahathir

U.M. 18 MAY 1978

BIRMINGHAM, 17 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah menawarkan yang Malaysia boleh dijadikan 'pusat mencari untung di Asia' bagi pelabur, sebagai pertukaran untuk penyertaan ekuitinya dalam perniagaan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu satu seminar pelaburan di sini bahawa Malaysia berbangga dengan sikap pragmatiknya dan menyedari bahawa ahli-ahli perniagaan tidak menanam modal untuk tujuan amal.

Katanya ahli-ahli perniagaan melabur untuk mencari untung. Mereka adalah dialu-alukan untuk mendapat keuntungan ini tetapi kerajaan berharap mereka juga turut bersikap pragmatik.

Katanya kerajaan berharap mendapat sesuatu dari pelaburan ahli-ahli perniagaan itu.

Beliau berkata pendirian Malaysia mengenai pelaburan asing bukanlah sesuatu yang baru dan ahli-ahli perniagaan yang cckap seharusnya bersedia membuat pembayaran sekiranya pulangnya menguntungkan.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan kepada para peserta seminar bahawa dasar dan garis panduan untuk penyertaan ekuiti dalam pelaburan di Malaysia bukanlah satu peraturan yang mengikat ketat.

Oleh itu, ia tidak akan menjejaskan kejayaan dan keuntungan usahaniaga yang dijalankan.

Katanya harga yang terpaksa dibayar oleh ahli-ahli perniagaan di Malaysia adalah jelas, iaitu sepadan dan sejajar dengan amalan perniagaan yang biasa.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sejauh mana ekuiti Malaysia dan asing yang disyaratkan kepada mana-mana projek persendirian akan bergantung kepada merit sesuatu kes persendirian itu.

Saya perlu menekankan bahawa terdapat kelenturan pada garis panduan kami dan pelaksanaannya.

'Dalam menimbangkan susunan ekuiti dalam sesuatu projek beberapa faktor adalah dipertimbangkan.

Penting

'Antara faktor-faktor penting ialah besarnya sesuatu projek, pada proses dan peringkat teknologinya, penempatannya, faedah yang didapati oleh negara menerusi kesan sampingan, sejauh mana kegiatan eksport, peringkat integrasi dengan perusahaan yang sedia ada, kesan penggalakan dan betapa kukuhnya perusahaan itu dalam negara.

Selain itu, terdapat juga peruntukan bagi kelenturan selanjutnya dari segi masa dalam mana syarikat berkenaan dibenarkan bagi mencapai nisbah ekuiti yang ditentukan.

Ini membolehkan syarikat itu menjalan-

kan operasi di peringkat awal mengikut nisbah yang lebih memberi faedah kepadanya dengan syarat mereka mesti mencapai nisbah ekuiti yang ditentukan dalam tempoh masa yang مناسب.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beberapa buah syarikat perniagaan telah menyatakan kebimbangan walaupun pada peringkat awal mereka diberikan syarat ekuiti yang memberi faedah kepada mereka, kerajaan mungkin selepas beberapa tahun, cuba mengubah keadaan ekuiti yang menguntungkan Malaysia.

"Ini tidak pernah berlaku dan tidak akan berlaku di Malaysia," tegasnya.

"Syarikat-syarikat yang berorientasi eksport yang misalnya telah memberi 100 peratus atau sebahagian besar pemilikan asing, terus menikmati pemilikan scumpama itu walaupun mereka meluas atau mempelbagaikan perusahaan mereka bagi pengeluaran baru selagi mereka terus meng-eksport pengeluarannya.

"Kerajaan mempunyai rekod fleksibel yang mesti dikekalkan, dan saya memberi jaminan bahawa kita tidak berniat mengubah peraturan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, bagi mengatasi beberapa aduan yang diterima dari para pelabur berhubung dengan kelambatan meluluskan kemasukan kakitangan asing yang diperlukan oleh sektor pekilangan, kerajaan sekarang mengadakan apa yang dipanggil "konsep tawaran beramai-ramai."

Di masa lalu, syarikat-syarikat yang memohon bagi meluluskan projek-projek perindustrian dan/atau galakan terpaksa membuat permohonan berasingan kepada Jabatan Imigrasi tentang keperluannya mendapatkan kakitangan asing setelah projek itu mendapat kelulusan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam konsep tawaran beramai-ramai itu, para pekilang boleh memohon mendapatkan kakitangan asing beserta dengan permohonan penglulusan projek.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, permohonan sekarang dihantar kepada FIDA yang kemudian akan membuat syor-syor sewajarnya kepada jawatankuasa mewarganegarkan jabatan untuk diluluskan bagi jawatan kakitangan asing.

Di bawah sistem baru itu, surat kelulusan dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bukan sahaja mengandungi kelulusan bagi projek itu tetapi juga kelulusan jawatan kakitangan asing yang diperlukan oleh syarikat-syarikat berkenaan.